

Latihan 3:

Isi tempat kosong dengan menulis atau menaip kata penguat dan kata bantu yang sesuai dalam ruang kosong pada ayat di bawah.

harus

masih

akan

amat

pernah

dapat

hendak

telah

sekali

sungguh

1

Amir dan Yusof _____ ke sekolah petang nanti kerana ada latihan bola baling.

2

Walaupun menghadapi pelbagai halangan, Siti Saleha _____ tetap bersabar.

3

Salmiah _____ tinggal serumah dengan Amirah suatu ketika dahulu.

4

Pelbagai janji manis yang dibuat oleh wakil rakyat itu _____ ditunaikan.

5

Pesawat itu mendarat dengan laju _____ lalu terbabas di hujung landasan.

6

Zali yang kuat makan itu _____ menghabiskan dua pinggan nasi ayam.

7

Pasukan sekolah Syafik _____ menjadi johan dalam perlawanan bola sepak semalam.

8

Cikgu Kalsom dan rombongan sekolah _____ ke Pulau Tioman pada hujung minggu ini.

9

Ibu saya _____ sayang dengan koleksi barang antiknya yang telah disimpan sejak 20 tahun lalu.

10

Farid kerap _____ ke perpustakaan kebelakangan ini kerana ingin mengulang kaji pelajaran.